

Dasar ekonomi perlu ikut peredaran masa

BH-23/11/2006

Kerajaan pelihara kepentingan semua sektor ekonomi: PM

Oleh Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR: Kesenambungan pembangunan pesat negara adalah berkat usaha kerajaan menjamin keharmonian dan perpaduan kaum terpelihara dengan memastikan segenap lapisan masyarakat pelbagai bangsa mengecapi nikmat kemajuan ekonomi negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menegaskan pencapaian itu tidak berlaku kebetulan, sebaliknya adalah strategi berwawasan jauh pemimpin masa lampau bagi merumus dasar yang adil lagi saksama kepada semua kaum.

"Selaras dengan semangat ini, kerajaan memberikan jaminan akan terus memelihara kepentingan semua sektor ekonomi dan semua segmen masyarakat negara ini apabila me-

laksanakan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3).

"Bagaimanapun, strategi ini harus disesuaikan dengan perkembangan dunia semasa. Walaupun keutamaan diberikan kepada bidang tertentu di bawah kedua-dua rancangan pembangunan ini, ia tidak bermakna hanya sektor terbabit saja yang mendapat perhatian pembuat dasar.

"Secara umumnya, kita perlu menerima hakikat dasar dan keutamaan tertentu perlu ditukar atau diubah suai bagi menempuh abad ke-21," katanya dalam ucapan pada majlis makan malam tahunan Dewan Perdagangan dan Perindustrian Kebangsaan (NCCIM), di sini, malam tadi.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak. Hadir sama, Pre-

siden NCCIM, Datuk Seri Abdul Rahman Maidin dan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Abdullah berkata, sememangnya menjadi hasrat kerajaan mendorong pertumbuhan sektor swasta supaya muncul sebagai juara serantau dan global bagi mewujudkan kerjasama merebut peluang ekonomi di kalangan negara Asean.

Tegas beliau, masyarakat perniagaan negara harus sedar bahawa Asean kini mempercepatkan usaha integrasi ekonomi serantau bagi mewujudkan Komuniti Ekonomi Asean menjelang 2020 dengan menyatukan 11 sektor ekonomi yang menyumbang 50 peratus daripada perdagangan intra-Asean.

Sektor terbabit merangkumi perdagangan, elektronik, penerbangan,

pelancongan, automotif, barang berasaskan kayu, produk berasaskan pertanian, penjagaan kesihatan, e-Asean, bahan berasaskan getah dan tekstil.

Abdullah menjelaskan, Asean juga akan melaksanakan perjanjian perdagangan bebas (FTA) dengan China menjelang 2010, dengan India menjelang 2011 dan dengan Jepun menjelang 2012 manakala buat masa sekarang, rundingan FTA dengan Korea Selatan, Australia dan New Zealand sedang berjalan.

Abdullah turut mencadangkan syarikat serta sektor korporat tempatan meletakkan sebilangan perusahaan kecil dan sederhana di bawah naungan mereka, sekali gus bertindak sebagai mentor bagi membantunya bertapak kukuh selain berdaya maju.